

# Ekspo Pertanian, Pesta Konvo

**KUALA LUMPUR 18 Okt.** - Ekspo Pertanian dan Pesta Konvo kesyen anjuran Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal berlangsung selama enam hari bermula esok sehingga 26 Oktober ini di Bukit Ekspo dekat sini.

Pengarah Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang berkata, matlamat asal pengendalian ekspo ialah meraikan graduan dan ibu bapa sempena Majlis Konvo kesyen UPM itu.

"Tema ekspo pada tahun ini ialah *Mengungguli Pertanian Menggapai Reputasi Antarabangsa* dilihat sejajar dengan matlamat UPM untuk menarik minat masyarakat supaya menjadikan aktiviti pertanian ke arah kehidupan yang lebih dinamik," katanya di sini hari ini.

Pelbagai aktiviti yang disediakan untuk orang ramai seperti pameran inovasi penyelidikan, pameran ternakan, pameran dan

jualan pokok orkid, jualan hasil pertanian, anak benih pokok buah-buahan dan hiasan, klinik pengembangan pertanian dan persembahan pentas.

Beliau menambah, ekspo kali ini membawakan kelainan dengan jualan 5,000 anak pokok buah-buahan yang dihasilkan UPM termasuk pelbagai klon anak pokok seperti durian, rambutan, jambu dan nangka.

"Antara anak pokok durian yang dijual ialah jenis klon D24, D99, D168 dan D197 yang ditawarkan dengan harga serendah RM10 bagi setiap pokok yang dijangka akan menjadi rebutan orang ramai dalam masa yang singkat," katanya.

Selain itu, turut diadakan jualan daging lembu dan rusa di kawasan gerai jualan Putra Mart.

Bagi peminat orkid, mereka



**JAPAR SIDIK BUJANG**

berpeluang membeli pelbagai spesies tumbuhan itu dengan harga murah di Astaka Orkid selain turut berlangsung gubahan bunga, pameran penyelidikan, hiasan dan teknik menanam, merawat serta mengelakkan jangkitan ku-

lat pada orkid.

Acara lain yang bakal mencuri tumpuan pengunjung adalah *Fun Run, UPM Obstacle Challenge* oleh Rakan Muda yang menguji kekuatan fizikal dan mental berlari menempuh halangan, menunggang kuda dan mini zoo.

Tidak ketinggalan pertandingan memancing di kolam dua dan tiga di Bukit Ekspo.

Sementara itu, pelbagai acara menawarkan pelbagai hadiah termasuk pertandingan melukis dan mewarna selain cabutan nombor bertuah turut diadakan.

Ekspo yang bermula pukul 10 pagi sehingga 10 malam itu dibuka kepada orang ramai dan masuk adalah percuma.

